

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN NO. 141

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk memasang alat pemadam api yang mencukupi di semua projek PPR.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan 2012), ada mensyaratkan supaya Alat Pemadam Api (APA) dipasang di premis kediaman mengikut kriteria yang disyaratkan dalam Jadual Kesepuluh Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (1984). Manakala, untuk PPR, Alat Pemadam Api (APA) lazimnya disediakan oleh pemaju dan diletakkan di kawasan mudah dilihat bagi maksud tindakan awal sekiranya berlaku kebakaran.

Sekian, terima kasih.